

**Keterangan: Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2009, 7 Mei 2009, UTHM****PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT: SEKOLAH PENERAJU UTAMA MENJANA GENERASI TERBILANG**

Ramlan Bin Zainal Abidin, Ahmad B. Esa dan Wan Mohd. Rashid B. Wan Ahmad

Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[ramlan@uthm.edu.my](mailto:ramlan@uthm.edu.my)

**Abstrak**

*Konsep pembelajaran sepanjang hayat bukan sahaja menjadi agenda penting, malah telah menukar cara berfikir masyarakat khususnya golongan muda. Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggariskan fokus, strategi utama, dan pelan pelaksanaan bagi menjadikan pendidikan negara relevan mengikut keperluan semasa dan masa hadapan. Sekolah merupakan organisasi pembelajaran bukan sahaja memberi tumpuan kepada pelajar-pelajarnya sahaja tetapi melibatkan semua orang dalam komuniti termasuk guru. Di samping sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat sekolah juga berfungsi sebagai multi-focus centre dalam komuniti setempat. Oleh itu, pendidik menjadi sumber yang paling berharga dalam sesebuah organisasi pendidikan seperti sekolah. Tanpa pendidik, sekolah tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana mereka lah yang membentuk pelajar-pelajar dengan pengalaman serta kemahiran. Sekolah sahaja tidak akan berkesan tanpa menekankan aspek pengajaran, pembelajaran dan kurikulum bersamanya. Sekolah yang berkesan menggerakkan modal intelek dan modal sosial bagi mencapai hasil pendidikan intelek yang diinginkan manakala improving school meningkatkan modal inteleknya dan modal sosial untuk mencapai hasil pendidikan intelek dan kecemerlangan moral melalui pembelajaran cemerlang.*

**Pengenalan**

Pendidikan bukanlah satu fenomena yang baru berlaku malah telah pun berlaku sejak wujudnya manusia zaman berzaman. Cara pendidikan itu berkembang mengikut peredaran masa dan dipengaruhi oleh kepentingan semasa. Misalnya, manusia terpaksa belajar untuk bercucuk tanam, untuk menangkap ikan di sungai dan di laut, untuk membina kediaman malah kepada membina kekuatan keselamatan dan pertahanan. Justeru itu, manusia memerlukan kepakaran, kemahiran dan perlu memiliki teknologi untuk membina rumah kediaman, membina perahu dan kapal dan juga membina kelengkapan pertahanan dan keselamatan. Fakta-fakta tersebut menggambarkan bahawa untuk mencapai sesuatu yang dihajatkan perlu memiliki ilmu pengetahuan.

Pendidikan sepanjang hayat adalah kesinambungan kepada amalan zaman berzaman dan prosesnya terus berlaku dalam bentuk yang sesuai dengan kehidupan masa kini. Pendidikan sepanjang hayat dilihat semakin penting dalam budaya ilmu iaitu satu budaya yang mendokong bahawa pendidikan berlaku seumur hidup. Fahaman ini telah memberi penekanan bahawa pendidikan tidak hanya terhad di sekolah atau kepada sesuatu bidang atau bagi sesuatu peringkat umur. Lebih jelas lagi pendidikan sepanjang hayat merangkumi sistem, kaedah, alat reka bentuk dan proses yang bersabit dengan penyediaan individu bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran berterusan. Dalam lain perkataan, pengetahuan dan kemahiran pula harus meliputi segala bidang kehidupan seperti rohani, jasmani, moral, bakat, minat, sosial, ekonomi dan politik. Bekalan-bekalan ini adalah perlu untuk membolehkan seseorang itu pandai menguruskan kehidupan dan kemahirannya dalam semua situasi.

Anggapan bahawa pembelajaran dan pendidikan itu terhenti selepas tamat zaman persekolahan atau pengajian akan membina sikap dan mentaliti negatif terhadap ilmu pengetahuan. Ekoran daripada sikap ini sudah tentu akan menimbulkan kesan kebekuan sosial iaitu masyarakat akan kekal dalam keadaan mundur atau kekal dari segi tamadunnya. Atas alasan ini, kerajaan telah membina peluang-peluang untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran selepas tamat alam persekolahan selepas sebelas tahun atau tiga belas tahun berada di alam persekolahan. Bukan semua lepasan sekolah berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik, oleh yang demikian mereka berpeluang mengikuti bidang-bidang kemahiran yang menjuruskan kepada bidang pekerjaan.

**Keperluan Terhadap Pembelajaran Sepanjang Hayat Masa Kini**

Pada pertengahan tahun 1990-an, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui UNESCO telah melancarkan program bagi meningkatkan kesedaran betapa pentingnya pembangunan sumber manusia dalam kalangan negara-negara yang sedang membangun menerusi program pembelajaran sepanjang hayat bagi memastikan kejayaan dan kemakmuran sesebuah negara. Sehubungan itu, untuk menghadapi cabaran globalisasi, liberalisasi ekonomi dan persekitaran ekonomi berdasarkan pengetahuan maka Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001 – 2010 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) telah dijadikan asas kepada rangka

pembangunan negara jangka panjang. Justeru itu, semasa ucapan Y.A.B Perdana Menteri di Parlimen pada 23 April 2001 telah memberi penekanan iaitu RMK-8 telah menyediakan asas pembangunan sumber manusia untuk menyokong pembangunan ekonomi berdasarkan pengetahuan serta mempertingkatkan produktiviti dan daya saing.

Konsep pembelajaran sepanjang hayat bukan sahaja menjadi agenda penting, malahan telah menukar cara berfikir masyarakat khususnya golongan muda. Di Jepun misalnya, persepsi mengenai pentingnya pembelajaran sepanjang hayat telah mewujudkan satu fenomena baru yang dikenali sebagai "*employability fever*". Golongan mudanya bersikap agresif untuk memiliki kelulusan dalam beberapa bidang pengajian dan latihan bagi menjamin mereka mendapatkan lebih peluang pekerjaan yang mereka minati. Kerajaan Korea Selatan telah menjadikan *Korea Educational Development Institute (KEDI)* sebagai Pusat Penyelidikan Sepanjang Hayat (*Lifelong Education Centre*). Antara projek pembangunan PSH oleh KEDI ialah dengan penubuhan Sistem Bank Kredit (CBS). CBS merupakan sistem pendidikan terbuka iaitu pengiktirafan diberikan kepada pembelajaran dan pengalaman di luar sistem pendidikan formal. Objektif CBS ialah bagi menyediakan warganegara Korea mendapat peluang pembelajaran yang berterusan dalam sistem yang terbuka.

Sistem pendidikan di Malaysia begitu dinamik. Sejak negara mencapai kemerdekaan, sekurang-kurangnya dua pembaharuan besar dalam sistem pendidikan telah berlaku iaitu bermula dengan Laporan Razak pada tahun 1956 kemudian diikuti dengan Laporan Rahman Talib pada tahun 1960. Pembaharuan tersebut tidak berhenti setakat itu sahaja kerana kehadiran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 (PIPP) merupakan satu perubahan yang dinamik dilakukan untuk memperkemaskin sistem pendidikan negara. PIPP juga dilihat sebagai satu lagi perubahan untuk memastikan sistem pendidikan negara kita relevan dengan tuntutan semasa. Dalam lain perkataan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan PIPP untuk menggariskan fokus, strategi utama, dan pelan pelaksanaan bagi menjadikan pendidikan negara relevan mengikut keperluan semasa dan masa hadapan.

### **Sekolah Sebagai Hub Penyuburan Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Sekolah sebagai institusi pendidikan yang formal perlu mengorak langkah yang lebih jauh untuk mempelbagaikan pendidikan agar dinikmati semua golongan dalam komuniti setempat. Pengekalan sekolah supaya terasing daripada komuniti setempat tidak membawa banyak perubahan terutamanya kepada golongan pendidik. Senario ini dilihat tidak memberi banyak cabaran dalam perkembangan kerjaya sebagai pendidik. Dalam tempoh yang panjang risiko kebosanan terhadap kerjaya guru akan hadir dan memberi impak yang negatif kepada setiap individu lantaran tidak ada perkara yang baru kerana semuanya merupakan pusingan kerja yang berulangan. Justeru, pendidik di sekolah perlu melangkah keluar dari dunia kanak-kanak kepada semua golongan dalam komuniti seperti pendidikan kepada orang-orang dewasa, golongan berkerjaya seperti pekerja di sektor kerajaan dan swasta malah kepada golongan suri rumah.

Bagi memenuhi tuntutan itu, pendidik perlu terus belajar perkara-perkara yang baru dan seterusnya mencuba menyebarkan ilmu kepada golongan yang berbagai dalam komuniti setempat untuk memantapkan lagi keterampilan guru dan membina keyakinan dalam diri mereka. Pembelajaran sepanjang hayat adalah satu perkara yang patut dititikberatkan dalam kalangan guru agar mereka sentiasa menambah ilmu pengetahuan (Suseela Malakolunthu, 2005). Hal ini dilihat sebagai sesuatu yang positif iaitu guru perlu memperbaharui pengetahuan dan kemahiran kerana teknologi kian berkembang. Kenyataan ini disokong oleh Marquardt (1999), Billet (2001) dan Boud dan Middleton (2003) yang berpendapat bahawa dalam alam pekerjaan yang berciri teknologi tinggi dan sering berubah didapati tempat kerja telah dijadikan sebagai persekitaran pembelajaran untuk pembangunan sumber manusia. Justeru, sekolah tidak terkecuali mempastikan guru-gurunya sentiasa berkembang dari aspek pengetahuan dan kemahiran walaupun berada dalam organisasi pembelajaran.

Sekolah dilihat sebagai organisasi pembelajaran bukan sahaja memberi tumpuan kepada pelajar-pelajarnya sahaja malah melibatkan semua orang dalam komuniti termasuk guru. Umumnya, organisasi pembelajaran ditakrif sebagai cara belajar bertujuan memperolehi pengetahuan, kepakaran, maklumat kerja, nilai dan norma kerja bagi memperbaiki prestasi kerja (Argyris dan Schon, 1996; Macpherson *et al.*, 2003; Prewitt, 2003). Sekolah juga dirujuk sebagai mobilisasi sumber manusia sebagaimana pendapat Mahoney (2000) antara lain merujuk kepada mobilisasi sumber manusia dalam organisasi berkenaan kepada penglibatan aktif pekerja supaya dapat mengagih pengetahuan, kepakaran dan maklumat kerja demi mencapai keuntungan yang tinggi. Oleh itu, pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat dapat dipergiatkan untuk menggalakkan peningkatan kemahiran dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Dapatan daripada beberapa kajian menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa ke arah keberkesanannya sekolah agak terhad. Ibu bapa kurang memahami mengenai matlamat sekolah dan juga kurang melibatkan diri dalam aktiviti melibatkan sekolah. Kajian juga menunjukkan kepimpinan pengetua merupakan ciri utama sekolah berkesan. Bagi menyokong hasil kajian ini, Levin dan Lockhead (1991) menemui faktor kepimpinan merupakan faktor terpenting menentukan sekolah itu berkesan, maju dan cemerlang. Hussein Mahmood (1993) pula mengenangkan fakta bahawa pengetua atau guru besar ialah orang penting dalam memimpin sesebuah sekolah bagi mencapai matlamat sekolah. Kesimpulannya mudahlah kepimpinan sekolah membentuk dan membangunkan guru-guru melalui pembelajaran sepanjang hayat kerana guru merupakan sebahagian daripada sekolah yang

berkesan. Buktinya ialah guru adalah faktor terpenting dan menjadi tunjang kepada sekolah berkesan kerana mereka merupakan juruteknik yang bertanggungjawab terhadap *core business of schools*, khususnya pembelajaran anak didiknya melalui pengajaran dan bimbingan (Rahimah, 1998).

Sekolah bukan sahaja dilihat sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat malah boleh berfungsi sebagai *multi-focus centre* dalam komuniti setempat. Hubungan sekolah dan komuniti begitu penting. Tanpa komuniti, sekolah tidak wujud manakala tanpa sekolah komuniti tidak akan berkembang (A.Rizal et.al. ,2008). Oleh yang demikian sekolah dilihat sama penting dengan komuniti untuk membangunkan modal insan dalam komuniti setempat. Justeru itu, sekolahlah yang boleh berperanan memberikan perkhidmatan yang paling rapat dan berpanjangan kepada hampir semua golongan masyarakat dalam komuniti setempat. Justeru, PIPP 2006-2010 telah menggariskan enam teras iaitu membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Sekolah unggul penjana generasi terbilang akan menjadi realiti apabila enam teras dalam PIPP dalam RM ke-9 dapat dilaksanakan dengan berkesan. Bagi merealisasikan hasrat dan harapan dalam PIPP sekolah bukan sahaja membangunkan modal insannya sendiri melalui program pembelajaran sepanjang hayat tetapi juga membangunkan ahli dalam komuniti setempat dengan ilmu pengetahuan. Cropley dan Dave (1978) menggariskan pembelajaran sebagai satu proses yang melahirkan satu perubahan ilmu, kemahiran, kepercayaan, sikap, nilai dan perkara-perkara berkaitan yang terhasil daripada pengalaman. Secara ringkasnya, Wain (1987) telah menggabungkan ciri-ciri pendidikan sepanjang hayat yang ditekankan oleh Dave (1975) kepada tiga prinsip utama iaitu pendidikan sepanjang hayat berlaku sepanjang kehidupan individu, program dijalankan secara formal dan tidak formal, dan hal ini termasuk konsep masyarakat yang berilmu pengetahuan yang menggabungkan semua institusi yang menyumbang kepada program ini. Wain(1987) cuba untuk menyatakan ketiga-tiga prinsip tersebut untuk membina satu definisi pendidikan sepanjang hayat iaitu pendidikan sepanjang hayat ialah satu proses berterusan secara formal dan tidak formal yang berlaku dalam lingkungan corak kehidupan yang melahirkan sebuah "masyarakat yang berilmu pengetahuan".

### Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat Untuk Pembangunan Sumber Manusia

Pendidik merupakan sumber yang paling berharga dalam sesebuah organisasi pendidikan seperti sekolah. Tanpa guru, sekolah tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana mereka lah yang membentuk pelajar-pelajar dengan pengalaman serta kemahiran. Sekolah sahaja tidak akan berkesan tanpa menekankan aspek pengajaran, pembelajaran dan kurikulum bersamanya. Rajah 4.1 menjelaskan konsep pembelajaran sepanjang hayat yang disesuaikan untuk sekolah dan komuniti oleh Hargreaves dalam Instance D. et.al (2002) dijelaskan seperti berikut:

### Kurikulum

Kurikulum dibahagikan kepada dua aspek iaitu formal dan tersirat. Kurikulum formal yang utama merupakan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pemahaman iaitu guru atau pengajar membuat perancangan tertentu supaya pelajar memperolehi sesuatu dengan kebolehan sendiri manakala kurikulum tersirat merangkumi perkara yang pelajar pelajari daripada pembelajaran mereka di sekolah tetapi tidak dirancang secara rasmi (Instance D.et.al. 2002). Kurikulum mencakupi perkara yang paling besar seperti pengalaman yang didapat dalam dan di luar institusi. Kurikulum juga mencakupi perkara yang paling kecil iaitu perkara yang diajar di institusi pendidikan dan dalam dirjah. Ishak Ramly (2003) menekankan tiga klasifikasi kurikulum iaitu sebagai program yang dirancang dan dilaksanakan di institusi pendidikan, sebagai program yang dirancang dan dilaksanakan secara praktikal di dalam kelas, dan kurikulum adalah pengisian sepanjang hayat bagi membudayakan ilmu dan pengalaman individu serta masyarakat secara individu ataupun berkumpulan. Dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat, kurikulum dirancang bergantung kepada bentuk latihan yang diperlukan dan dibuat kerana permintaan semasa.

### Pembelajaran (*learning*)

Dalam konteks pembelajaran, penekanan adalah kepada pembelajaran tidak formal kerana melibatkan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam pembelajaran tidak formal kurikulum tersembunyi diperlukan iaitu pembelajaran sememangnya dirancang oleh guru tetapi tidak berkaitan dengan pembelajaran formal (Instance D.et.al. 2002). Kurikulum tersembunyi secara lebih luas meliputi hasilan pendidikan dari sudut sosialisasi politik, kepercayaan, kepatuhan, kepimpinan, nilai dan adat budaya, sikap dan kekuasaan. Semua perkara yang mempengaruhi pelaksanaan kurikulum rasmi dan pendidikan dapat dikelompokkan sebagai kurikulum tersembunyi. Dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat, pembelajaran melibatkan berbagai golongan seperti kumpulan yang sedang bekerja, golongan pesara, suri rumah dan golongan pelajar.

## Pengajaran

Rajah 1 menunjukkan dua cabang utama terhadap pengajaran iaitu pengajaran formal dan model yang dilaksanakan. Kaedah formal memerlukan pengajaran yang dinyatakan dengan jelas dan khusus serta interaksi secara lisan diantara guru dengan pelajar menerusi pembelajaran dengan kurikulum yang dirancang manakala model menitikberatkan pembelajaran pelajar mengikut arahan guru (Instance D.et.al. 2002). Pengajaran dilihat daripada sudut guru mengenai usaha-usaha yang dilakukan untuk menyampaikan maklumat atau melaksanakan aktiviti untuk pelajarnya mempelajari sesuatu (Esah Sulaiman, 2003). Dalam aspek pengajaran, beberapa komponen akan dilihat seperti kompetensi, kemahiran dan profesionalisme keguruan.

## Komuniti

Dalam konteks komuniti, sekolah dianggap sebagai sebahagian daripada komuniti mewakili dua aspek utama yang membayangkan keberkesanannya iaitu merupakan pendidikan akademik di sekolah yang bertujuan untuk memasukkan idea kecemerlangan intelektual dan moral sekolah sebagai komuniti cuba meningkatkan kualitinya (Instance D.et.al. 2002). Sebelum ini, konsep kesepakatan yang dibentuk secara pemikiran dalam komuniti telahpun diguna pakai dalam perancangan pendidikan seperti bilik darjah di sekolah, program pembangunan untuk guru dan pengajar guru, dan latihan guru dalam pembangunan profesional di sekolah (Garry F. Hoban, 2002). Dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat terdapat keperluan untuk membangunkan komuniti agar ada perubahan bagi merealisasikan komuniti yang berpengetahuan melalui guna sama kemudahan sektor swasta dan guna sama kepakaran tenaga pengajar.

## Konsep Sekolah Yang Berkesan


Berpandukan teori, konsep sekolah yang berkesan dan penambahbaikan sekolah oleh David H. Hargreave dalam David Instance (2002), dinyatakan seperti berikut; Sekolah yang berkesan menggerakkan modal intelek (terutamanya keupayaan untuk mencipta dan memindahkan pengetahuan) dan modal sosial (terutamanya kebolehan untuk menjana keyakinan dan mewujudkan jaringan) bagi mencapai hasil pendidikan intelek yang diinginkan dan kecemerlangan moral menerusi penggunaan strategi pengaruh yang tinggi terhadap *evidence informed* dan *innovative profesional practice*. *Improving school* pula meningkatkan modal inteleknya (terutama keupayaan untuk mencipta dan memindahkan pengetahuan) dan modal sosial (terutamanya kebolehan untuk menjana keyakinan dan mewujudkan jaringan) untuk mencapai hasil pendidikan intelek dan kecemerlangan moral melalui pembelajaran cemerlang menggunakan *higher-leverage strategies based on evidence of 'what works'* dan/atau *innovative professional practice*.

## Kesimpulan

Sekolah seperti juga pusat perdagangan perlu meneroka kaedah baru untuk mengurus dan mengeksplotasi aset keintelektualan dalam kalangan guru-gurunya. Jika guru mempunyai asas ilmu pengetahuan yang rendah, bagaimana untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang baru kepada murid-muridnya atau orang lain? Mereka perlu belajar kaedah untuk menjadi *knowledge worker* yang profesional dan kemudian memindahkannya dengan cepat dan berkesan melalui pengajaran. Dalam *knowledge economy*, sekolah adalah permulaan proses pembelajaran sepanjang hayat iaitu manusia mula membina fleksibiliti dan inovasi dalam kehidupan. Melalui kepintaran mencipta, berinovasi dan memindahkan pengetahuan, guru-guru dapat menjana *new forms of high leverage* untuk mengelokkan pengajaran dan juga mempromosikan kepintaran mencipta dan memindahkan pengetahuan bagi menyokong kecemerlangan intelek yang baru kepada pelajar-pelajarnya.

## Rujukan

- A. Rizal, Samsudin, Mohamad Zaid dan Ashaari (2008). " Sekolah Dan Masyarakat". Penerbit UTHM.
- Argyris, C. & Schon, D.(1996). Organisational Learning II: Theory, Method and Practice, Culture, OECD/CERI, Paris.
- Billett, S. (2001). *Learning in the Workplace: Strategies For Effective Practice*, Allen and Unwin, NSW.
- Boud, D. & Middleton, H. (2003). "Learning From Others At Work: Communities of practice and informal learning".  
The Journal of Workplace Learning, Vol. 15 No. 5, pp. 194-202.
- Cropley, A.J., Dave R.H. (1978). *Lifelong Learning Education And Training Teachers*. Hamburg:UNESCO Institute of Education.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur:DBP.
- Instance D., Schuetze H.G., and Schuller T., (2002). *International Perspectives On Lifelong Learning: From Recurrent Education to The Knowledge Society*. The Society for Research into Higher Education and Open University Press: U.S.A.
- Ishak Ramly (2003). *Inilah Kurikulum Sekolah*. PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur
- Levin, H.M. & Lockhead, M.E.(1991).*Effective schools in developing countries*. The World Bank :Education and Employment Division, Population and Human Resource Department.
- Mahoney, R. (2000). "Leadership and learning organizations", Learning Organisations, Volume.7 No. 5, pp. 241-244.
- Marquardt, M. (1999). " The learning organisation: A systems model for succeeding in 21<sup>st</sup> century". STADA ANNUA  
1996, Singapore Training & Development Association, Singapore.
- Rahimah Hj. Ahmad (1998). Ucap Utama (III) Profesionalisme guru dan sekolah berkesan. Prosiding Seminar Pendidikan Guru untuk sekolah berkesan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya



Rajah 1: Adaptasi dari model Effective schooling for lifelong Learning oleh David H. Hargreave dalam David Instance (2002)